

27/04/2003

Yang nasional dan tak nasional

Sutung Umar RS

ANTARA perkara menarik perhatian kita dalam wawancara yang diketuai Ketua

Pengarang Kumpulan The New Strait Times Press, Tan Sri Abdullah Ahmad dengan Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Berita Minggu (20 April 2003) lalu ialah mengenai persoalan menghadapi ancaman dari luar. Mengikut Abdul

Hadi, kalau dalam keadaan darurat, "itu menjadi tanggungjawab, tanggungjawab menghadapi ancaman luar, menghadapi masalah bersama, itu kita bersetuju, tak tertutup" pintu kerjasama. Menjawab soalan mengenai persaraan Dr Mahathir Abdul Hadi mengatakan, "...kalau sekiranya beliau berhenti kerana tekanan daripada luar, saya tak bersetuju." Sebelumnya Abdul Hadi menegaskan berapa dasar yang dilaksanakan Mahathir perlu diteruskan.

Jelas daripada kenyataan Abdul Hadi itu bahawa beliau menyokong beberapa dasar Mahathir dan dalam kes ini khusus mengenai Dasar Luar Malaysia yang tidak tunduk kepada Amerika dan IMF.

Yang kita ingin timbulkan di sini ialah mengenai budaya politik Malaysia khususnya budaya politik orang Melayu. Dalam banyak kes kita jarang dapat melihat mengenai kefahaman orang Melayu khususnya mengenai perkara dan isu bersifat nasional dan yang bukan bersifat nasional.

Dalam hal ini kita melihat bahawa Abdul Hadi memahami apa yang nasional dan apa yang bukan bersifat nasional.

Nasional bermakna berkenaan bangsa, kebangsaan. Manakala nasionalisme ialah perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yang mendalam atau pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik daripada kuasa asing, semangat kebangsaan.

Apabila kita memilih demokrasi sebagai sistem politik negara kita, dengan pelbagai fakta dan latar belakang sejarah masa lalu, hal yang tak terelakkan ialah akan wujudnya parti pembangkang dalam kerajaan.

Mengenai wujudnya pembangkang ini, dari satu segi lain, kayu yang semuanya membujur tidak marak apinya, maka diperlukan wujudnya kayu yang melintang supaya api lebih marak. Demikianlah perlu ada keseimbangan antara yang membujur dan yang melintang. Dalam masa sama kalau terlalu banyak yang melintang, sehingga hilangnya keseimbangan, ia akan pula menyebabkan yang membujur, yang menjadi asas unggun api itu langsung rosak

atau kalaupun tidak demikian, fungsi yang membujur tidak begitu efektif.

Dalam kenyataannya Hadi mempertahankan Mahathir jika ada kuasa luar yang menekan malah beliau amat berdukacita kalau Mahathir bersara bukan oleh kemahuan peribadinya tetapi oleh terlalu kuatnya tekanan luar. Kita mengira ini adalah isu yang amat penting dan patut difikirkan bersama

mengenai bilakah waktunya kita patut menentang dan bilakah pula waktunya kita patut menyokong. Tentulah aneh dan ajaib jika sekiranya sebagai pembangkang, sama ada organisasi mahupun orang perseorangan kita sentiasa saja menentang kerana yang ditentang itu bukan mengenai baik atau buruknya sesuatu dasar tetapi oleh kerana kewujudan kita sebagai pembangkang, sama ada individu mahupun organisasi, oleh itu apa saja yang wujud, yang kerajaan buat, kita terpaksa tidak setuju dan kita menentanginya. Lebih mendukacitakan lagi apabila terlalu menentang, orang lain secara diam-diam menggunakan kesempatan itu masuk di celahnya. Kita percaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang mahu negara kita menjadi seperti apa yang terjadi ke atas Iraq.

Satu hal penting yang perlu diingat dan dinyatakan dengan jelas kepada rakyat ialah mengenai hal yang nasional dan yang bukan nasional. Untuk perkara yang membabitkan kepentingan nasional, sama ada politik, ekonomi atau sosial maka setiap rakyat tidak kira pembangkang apatah lagi yang bukan pembangkang mestilah mengambil posisi yang betul.

Ketidakhahaman secara jelas dan jitu mengenai sesuatu isu yang bersifat nasional dan yang yang tidak bersifat nasional boleh menimbulkan ketegangan yang memberi ruang untuk orang lain masuk jarum bagi merosakkan kita dan masa depan bangsa dan negara kita.

Kita boleh tidak bersetuju mahupun menentang kerana ini jelas adalah gejala demokrasi - dasar yang kita pilih. Namun untuk isu yang bersifat nasional kita tidak ada pilihan lain melainkan jika kita memang mempunyai cita-cita untuk memusnahkan bangsa, negara dan agama kita. Maka dalam hal ini sesuatu isu yang timbul hendaklah dijelaskan dengan tepat kepada rakyat, supaya rakyat tidak lagi tertipu. Dalam hal ini SAR misalnya adalah isu nasional maka setiap rakyat hendaklah menyokong usaha kerajaan menangani perkara ini.